



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 47/2023**

**KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA,  
TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

**24 November 2023**

*Bersamaan*

**10 Jamadilawal 1445**

**DIKELUARKAN OLEH:**

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ غَافِرِ الذَّنْبِ وَقَابِلِ التَّوْبِ،  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَحَبِيبَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُ اللَّهِ وَرَسُولُهُ،  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَالتَّزَمُوا الْقِيَامَ بِحُقُوقِ اللَّهِ.  
إِخْوَانِي الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Bertaqwalah saudara-saudara kepada Allah swt dan beriltizamlah melaksanakan hak-hak Allah ke atas saudara dengan menunaikan apa jua yang diwajibkan dengan penuh ketaatan dan kepatuhan.

Tajuk khutbah jumaat pada kali ini akan menyentuh berkenaan tajuk:

**“KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI BENCANA,  
TANGGUNGJAWAB BERSAMA”.**

**Saudara sidang jumaat yang dirahmati Allah,**

Bencana atau musibah ialah apa jua yang boleh menyebabkan kesusahan atau penderitaan seperti penyakit, kemalangan, banjir, tanah runtuh dan sebagainya. Di negeri kita, Terengganu Darul Iman, salah satu bencana yang berlaku pada musim tengkujuh ialah banjir yang boleh menyebabkan kerugian harta benda, kerosakan tanaman dan kadangkala mengakibatkan kemalangan nyawa.

Pada umumnya, musibah atau bencana ini boleh dilihat daripada tiga kategori:

**Pertama:** Musibah “Ammah” iaitu bencana muka bumi dan manusia seperti banjir, ribut taufan dan gempa bumi.

Firman Allah dalam surah al-Ankabut, ayat 14:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ

الطُّوفَانَ وَهُمْ ظَالِمُونَ ﴿١٤﴾

**Maksudnya:** Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggalah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka).

**Kedua:** Bencana yang menimpa manusia sahaja, sebagaimana firman Allah dalam surah Hud, ayat 94:

وَلَمَّا جَاءَ أَمْرُنَا نَجَّيْنَا شُعَيْبًا وَالَّذِينَ ءَامَنُوا مَعَهُ بِرَحْمَةٍ مِنَّا وَأَخَذَتِ الَّذِينَ ظَلَمُوا

الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيَرِهِمْ جَثِيمًا ﴿٩٤﴾

**Maksudnya:** Dan tatkala datang perintah Kami, Kami selamatkan Nabi Syuaib beserta dengan umatnya yang beriman, dengan rahmat dari Kami; dan orang yang zalim itu dibinasakan oleh suara yang keras, lalu jadilah mereka mayat yang tersungkur di rumah mereka.

**Ketiga:** Musibah yang melibatkan individu, sebagaimana firman Allah dalam surah Thoha, ayat 97:

قَالَ فَاذْهَبْ فَإِنَّ لَكَ فِي الْحَيَاةِ أَنْ تَقُولَ لَا مِسَاسَ وَإِنَّ لَكَ مَوْعِدًا لَنْ يُخْلَفَهُ...

**Maksudnya:** Nabi Musa berkata kepada Saamiri: Pergilah, kerana sesungguhnya telah ditetapkan bagimu akan berkata dalam kehidupan dunia ini: Jangan sentuh daku, dan sesungguhnya telah dijanjikan untukmu balasan Akhirat yang engkau tidak akan terlepas darinya...

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah sekalian,**

Tidak berlaku sesuatu peristiwa atau bencana melainkan tersirat hikmah-hikmah tertentu seperti:

**Pertama:** Untuk diperlihatkan kepada seseorang, hakikat diri sendiri dan hubungannya dengan mukmin yang lain, bagi menimbulkan keinsafan atas kesilapan dan kelalaian diri untuk diperbaiki.

**Kedua:** Ujian bencana atau kenikmatan hidup ialah untuk dibuktikan seteguh mana kesabaran dan mendalam mana kesyukuran kepada Allah swt.

**Ketiga:** Musibah yang menimpa sebagai amaran supaya tidak terus berada dalam kancah maksiat.

**Keempat:** Bencana atau penderitaan yang dihadapi bukan kerana balasan buruk tetapi satu proses keampunan Allah swt. Sabda Nabi saw:

مَا يُصِيبُ الْمُسْلِمَ، مِنْ نَصَبٍ وَلَا وَصَبٍ، وَلَا هَمٍّ وَلَا حُزْنٍ وَلَا أَذًى وَلَا  
غَمٍّ، حَتَّى الشَّوْكَةِ يُشَاكُهَا، إِلَّا كَفَّرَ اللَّهُ بِهَا مِنْ خَطَايَاهُ.

**Maksudnya:** “Apa jua yang menimpa seseorang muslim seperti kesukaran, penderitaan, kegundahan, kesedihan, kesakitan dan kemurungan, sekalipun tertusuk duri, Allah menghapuskan dosa-dosanya (kerana kesabarannya).

(Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)

## **Saudara sidang jumaat yang dimuliakan Allah sekalian,**

Kembali kepada persoalan khutbah pada hari ini, iaitu persediaan menghadapi bencana yang lebih terfokus kepada musibah banjir, apa yang boleh dirumuskan bahawa, bencana tahunan ini meliputi ketiga-tiga jenis musibah, iaitu bencana alam yang menyebabkan kerosakan harta benda, mendatangkan kesulitan dan penderitaan kepada manusia secara keseluruhan atau individu. Sementara itu, tidak dinafikan musibah ini juga mempunyai ciri-ciri hikmah yang sama; iaitu untuk menjadikan kita insaf, sabar dan bertanggungjawab, di samping memupuk sifat bantu membantu sama ada berbentuk tenaga, makanan dan wang ringgit kepada yang memerlukan, serta redha tanpa menyalahkan takdir.

Musibah ini juga mendorong kita supaya sedar dan lebih insaf atas kecuaiian dan kerakusan kita melanggar syariat Allah. Di samping itu, adalah diharapkan semoga musibah yang menimpa sebagai proses penghapusan dosa dan mengangkat darjat orang yang sabar. Firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 155:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ وَبَشِّرِ

الصَّابِرِينَ

**Maksudnya:** Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.

## **Sidang jumaat yang dirahmati Allah,**

Dengan adanya kesedaran terhadap bentuk-bentuk bencana dan hikmahnya, kita wajib bersedia menghadapinya dengan penuh keinsafan dan menjadi tanggungjawab bersama, kerana musibah tidak menimpa individu atau kelompok yang cuai sahaja, tetapi melibatkan juga mereka yang tidak berdosa. Justeru bersiap sedialah menghadapi bencana banjir dengan panduan-panduan berikut:

**Pertama:** Membuat persediaan seperti yang disarankan oleh pihak berkuasa, sama ada menjalankan ikhtiar mencegah faktor-faktor bencana atau untuk menyelamatkan diri dan harta.

**Kedua:** Memberi kerjasama kepada agensi kerajaan dan badan-badan penyelamat dalam usaha menyelamatkan mangsa yang terlibat.

**Ketiga:** Sentiasa bersedia untuk menghadapinya dengan kesabaran. Sabar dengan mengawal diri daripada kutuk mengutuk, daripada keluhan dan bertindak di luar batas.

**Keempat:** Hadapilah bencana dengan sentiasa insaf dan redha dengan melafazkan: **إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ**

**Kelima:** Hindarkan diri daripada perkara-perkara yang boleh mengundang kemurkaan Allah sebelum dan semasa ditimpa musibah dan sesudahnya.

**Keenam:** Tidak terlalu tertekan dengan musibah dan tidak berputus asa, kerana ujian yang diterima ada hikmahnya, serta sentiasa berusaha mencari keredhaan Allah swt.

Akhirnya, marilah kita bersiap sedia menghadapi bencana dengan mengambil langkah berwaspada dari segi fizikal, minda dan rohani berdasarkan panduan Islam dan arahan pihak berkuasa.

## أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿٢٢﴾ لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَى مَفَاتِكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا آتَاكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿٢٣﴾

**Maksudnya:** Tidak ada kesusahan yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah. Supaya kamu tidak bersedih hati akan apa yang telah luput daripada kamu, dan tidak juga bergembira dengan apa yang diberikan kepadamu. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri.

(al-Hadid: ayat 22-23)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## **KHUTBAH KEDUA**

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Muslimin sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Kehidupan di dunia ini perlu kepada interaksi antara satu sama lain. Tidak ada orang yang mampu mengurus kehidupan tanpa penglibatan orang lain. Itulah sunnatullah dalam kehidupan. Justeru, pereratkanlah hubungan sesama manusia dengan saling menghormati, sayang menyayangi dan bantu-membantu antara satu sama lain. Mudah-mudahan kesatuan umat Islam akan lebih kukuh dan kesejahteraan akan dapat dikecapi bersama.

Marilah juga kita memperbanyakkan ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا



مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنَ السَّيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ اشْفِ  
مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطُّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانِ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةَ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَذِلَّ الْمُعْتَدِينَ الظَّالِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَائِكَ أَعْدَاءَ  
الدِّينِ، وَأَنْصُرْنَا عَلَيْهِمْ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُجَاهِدِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ.

**Ya Allah,**

Anugerahkanlah pertolongan dan bantuanMu untuk saudara kami di Palestin. Berikanlah ketabahan dan kekuatan kepada mereka dalam menentang kekejaman rejim Zionis. Peliharakanlah bumi Baitul Maqdis dan seluruh saudara kami disana.

**Ya Allah,**

Tanah suci kami telah dihancurkan dan dimusnahkan oleh Zionis Yahudi laknatullah! Engkau hancurkanlah dan musnahkanlah pakatan mereka. Timpakan laknat dan siksaMu ke atas mereka. Jauhkanlah dan gagalkanlah segala usaha mereka dari menguasai bumi kaum muslimin di Palestin.

**Ya Allah,**

Jadikanlah negeri ini negeri yang aman, maju lagi diberkati. Bukakanlah pintu-pintu rezeki dari segala penjuru. Kurniakanlah kepada kami nikmat kesejahteraan yang berterusan. Jauhkanlah negeri kami ini daripada segala malapetaka, musibah dan apa jua kemurkaan-Mu.

آمين يا الله، يا رب العالمين

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.

وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،

وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.

